

# Penuntut UMP bimbing murid SK Beserah

KUANTAN 16 Julai - Sebanyak 150 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Beserah di sini yang bakal menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun ini menyertai program motivasi kendalian Kelab Pembimbing Rakan Siswa (Persis) Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini baru-baru ini.

Selain berpeluang merasai kehidupan di kampus, murid terabit diberi peluang meningkatkan keya-

kinan dengan program latihan serta berinteraksi dengan fasilitator se-ramai 20 orang daripada Persis.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, penganguran itu bukan sekadar satu program yang diadakan untuk memenuhi diari sama ada di kalangan penuntut ataupun pihak sekolah.

"Kecemerlangan pelajar adalah agenda penting dalam sistem pen-

didikan sekolah. Di antara usaha pihak sekolah adalah dengan penganguran seminar menjawab soalan, kemotivasi dan lain-lain program yang menyokong ke arah pencapaian prestasi pelajar."

"Sabar tahun UMP juga menerima permohonan dari pelbagai sekolah sekitar Kuantan hingga Johor Bahru dan Kedah untuk mendapatkan khidmat bakti penuntut universiti ini terutama dalam mening-

katkan motivasi pelajar sekolah," katanya di sini.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati para pelajar sekolah terabit supaya memberi tumpuan sepenuh perhatian ketika pembelajaran dalam kelas.

Malah katanya, kesedaran harus datang daripada usaha pelajar itu sendiri dengan sokongan ibu bapa dan guru.

Mengenai program tersebut, Gu-

ru Besar SK Beserah, Saari Abd. Ghani berka, langkah itu merupakan satu pendedahan kepada murid terabit mengenai teknik menjawab soalan serta meningkatkan persediaan menghadapi UPSR.

"Kami amat menghargai kerjasama dengan UMP dalam membantu menjayakan program itu terutama di kalangan penuntut yang sanggup berkorban masa pada cuti semester ketika ini," ujarnya.



YUSERRIE Zainuddin (belakang, tengah) bersama 150 murid SK Beserah dan mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Dewan Astaka UMP, Kuantan, baru-baru ini.